



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGETAHUAN, PEMAHAMAN DAN SIKAP DALAM LITERASI
KOMPUTER DI KALANGAN GURU PELATIH
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH
MAKTAB PERGURUAN ISLAM**

ROSLINA BTE IBRAHIM

FPP 1999 51

**PENGETAHUAN, PEMAHAMAN DAN SIKAP DALAM LITERASI
KOMPUTER DI KALANGAN GURU PELATIH
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH
MAKTAB PERGURUAN ISLAM**

Oleh
ROSLINA BTE IBRAHIM

Kertas projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

April, 1999



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Penyayang, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. di atas rahmat dan izinnya projek ini dapat disempurnakan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan kepada Penyelia Projek, Dr Mohd. Majid Konting di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sehinggalah projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan.

Terima kasih juga saya rakamkan kepada Kementerian Pendidikan yang telah meluluskan program pembelajaran secara sambilan untuk membolehkan saya mengikuti pengajian di Universiti Putra Malaysia. Penghargaan serupa kepada semua staf dan pelajar Maktab Perguruan Islam, Bangi, terutamanya Pengetua MPI, Dato' Haji Mohd. Yusof Haji Ahmad yang telah memberi kebenaran dan kerjasama dalam menjayakan projek ini. Terima kasih juga kepada Normadiyah Sheik Said yang banyak membantu.

Akhir sekali terima kasih kepada suami saya, Mus Chairil Samani dan keempat-empat anak-anak kami, Muhammad Aizat Afiq, Muhammad Ansar Afif, Muhammad Alfii dan Muhammad Akmal yang telah mendorong saya untuk menyiapkan pengajian Master Sains di Universiti Putra Malaysia.

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	viii
ABSTRAK BAHASA MALAYSIA	x
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	7
Persoalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Limitasi Kajian	10
Definisi Operational	11
II PENELITIAN SUSASTERA	14
Konsep Literasi Komputer	14
Pendidikan Teknologi Maklumat di Maktab Perguruan	23

Struktur Kursus Teknologi Maklumat	
Kursus Perguruan Lepas Ijazah	27
Model Penilaian Program Komputer Dalam Pendidikan ...	31
Rumusan	35
III METODOLOGI	37
Rekabentuk Kajian	37
Populasi Kajian	38
Instrumen Kajian	38
Kajian Rintis	43
Tatacara Pengumpulan Data	44
Analisis Data	45
IV DAPATAN KAJIAN	47
Analisis Deskriptif Latar Belakang	
Penggunaan Komputer	47
Analisis Deskriptif Pemilikan Komputer	49
Analisis Deskriptif Sumber Pengetahuan	
Tentang Komputer	49
Analisis Deskriptif Tahap Pengetahuan	
Tentang Komputer	50

Analisis Deskriptif Tahap Pemahaman	
Tentang Komputer	51
Analisis Deskriptif Sikap Terhadap Komputer	52
Analisis Hubungan Antara Pengetahuan	
Tentang Komputer Dengan Pemahaman	
Tentang Komputer	55
Analisis Hubungan Antara Pengetahuan	
Tentang Komputer Dengan Sikap Terhadap Komputer	55
Analisis Hubungan Antara Pemahaman	
Tentang Komputer Dengan Sikap Terhadap Komputer	55
Kesimpulan	56
V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN ...	57
Pengenalan	57
Rumusan	57
Rumusan Tahap Pengetahuan Tentang Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	60
Rumusan Tahap Pemahaman Tentang Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	60
Rumusan Tentang Sikap Terhadap Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	60

Rumusan Hubungan Pengetahuan Tentang Komputer Dengan Pemahaman Tentang Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	61
Rumusan Hubungan Pengetahuan Tentang Komputer Dengan Sikap Terhadap Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	61
Rumusan Hubungan Pemahaman Tentang Komputer Dengan Sikap Terhadap Komputer	
Guru Pelatih KPLI MPI	61
Perbincangan	62
Cadangan	64
RUJUKAN	67
LAMPIRAN	
A Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	72
B Maklumat Penyemak Soal Selidik	73
C Soal Selidik	74

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Hubungan Pengguna-Perantara-Perekacipta Dalam Literasi Komputer	21
2	Penilaian Hasil Program Komputer Dalam Pendidikan	31

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual	
1 Sukatan Kelab Komputer (Februari 1987)	24
2 Sukatan Pelajaran Komputer Dalam Pendidikan (November 1990)	25
3 Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat (Jun 1993)	26
4 Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat (Julai 1997)	27
5 Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat Kursus Perguruan Lepas Ijazah	29
6 Bilangan Pelatih KPLI Ambilan 1998/99	38
7 Pengelasan Tafsiran Pekali Korelasi Mengikut Miller (1991)	46
8 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Bilangan Tahun Menggunakan Komputer Sebelum Memasuki Maktab	48
9 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pemilikan Komputer Semasa Mengikuti Kursus KPLI Di Maktab	49
10 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sumber Pengetahuan Tentang Komputer	50
11 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tahap Pengetahuan Tentang Komputer	51

12	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Tahap Pemahaman Tentang Komputer	52
13	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sikap Terhadap Komputer	53
14	Min Dan Sisihan Piawai Setiap Item Dalam Mengukur Sikap Terhadap Komputer	54

**Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi
mendapatkan Ijazah Master Sains.**

**PENGETAHUAN, PEMAHAMAN DAN SIKAP DALAM LITERASI
KOMPUTER DI KALANGAN GURU PELATIH
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH
MAKTAB PERGURUAN ISLAM**

**oleh
ROSLINA BINTI IBRAHIM
April, 1999**

**Penyelia
Dr Mohd. Majid Konting
Fakulti Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Secara terperinci kajian ini bertujuan untuk menentukan (1) tahap pengetahuan tentang komputer di kalangan bakal guru, (2) tahap pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru, (3) sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru, (4) hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan pemahaman tentang komputer. (5) hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan sikap terhadap komputer dan (6) hubungan antara pemahaman tentang komputer dengan sikap terhadap komputer.

Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan soal selidik yang dibina untuk mendapatkan maklumat berkenaan tahap pengetahuan tentang komputer dan tahap pemahaman tentang komputer. Kedua-dua tahap pengetahuan dan

pemahaman ini diukur dengan mengemukakan 25 item ujian bagi setiap bahagian. Manakala pernyataan berdasarkan skala *Attitude Toward Computer Scale* (ATCS) digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sikap guru pelatih terhadap komputer.

Seramai 178 orang guru pelatih yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Maktab Perguruan Islam di Bangi, Selangor Darul Ehsan pada sesi Julai 1998/99 dipilih sebagai sampel kajian ini.

Kesimpulan bagi kajian ini ialah: (1) Tahap pengetahuan tentang komputer di kalangan guru pelatih adalah sederhana; (2) Tahap pemahaman tentang komputer di kalangan guru pelatih adalah sederhana tinggi, (3) Sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih adalah sangat positif; (4) Terdapat hubungan positif di antara pengetahuan tentang komputer dengan pemahaman tentang komputer di kalangan guru pelatih ($r=0.33$, $p<0.001$); (5) Terdapat hubungan positif di antara pemahaman tentang komputer dengan sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih ($r=0.27$, $p<0.001$); dan (6) Tidak terdapat hubungan yang bererti antara pengetahuan tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih ($r=0.14$, $p>0.05$).

Kajian ini telah memberi maklumat tentang tahap pengetahuan, pemahaman dan sikap dalam literasi komputer guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah Maktab Perguruan Islam.

**Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirement for the
degree of Master of Science.**

**KNOWLEDGE, UNDERSTANDING AND ATTITUDE ON COMPUTER
LITERACY AMONG TRAINEE TEACHERS ENROLL IN A
POSTGRADUATE TEACHING COURSE
AT THE MAKTAB PERGURUAN ISLAM**

**by
ROSLINA BTE IBRAHIM
April 1999**

**Supervisor
Dr Mohd. Majid Konting
Faculty of Educational Studies**

The purpose of this research was to study the level of knowledge, understanding and attitude towards computer among trainee teachers enroll in a Postgraduate Teaching Course at the Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Six objectives that were set forth in this research are: (1) Level of knowledge on computer among trainee teachers, (2) Level of understanding on computer among trainee teachers, (3) Attitude towards computer among trainee teachers, (4) Relationship between the level of knowledge on computer with the level of understanding on computers, (5) Relationship between the level of knowledge on computer with the attitude towards computers, and (6) Relationship between the level of understanding on computer with the attitude towards computers.

The researcher used a specially designed questionnaire to gather data on the level of knowledge on computers and the level of understanding on computers among

trainee teachers. Both the levels of knowledge and understanding on computers were measured using a set of 25 questions respectively. To gather information about the attitude of trainee teachers toward computer, the Attitude Toward Computer Scale (ATCS) was used.

A total of 178 trainee teachers enroll in a Postgraduate Teaching Course at the Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor Darul Ehsan during the July 1998/99 session were chosen as sample of this study.

The findings of this research are as follows: (1) The level of knowledge on computers among trainee teachers is moderate; (2) The level of understanding on computers among trainee teachers is moderately high; (3) Attitude towards computer among trainee teachers are highly positive; (4) There is a positive relationship between the level of knowledge on computers with the level of understanding on computers among trainee teachers ($r=0.33$, $p<0.001$); (5) There is a positive relationship between the level of understanding on computers with the attitude towards computers among trainee teachers ($r=0.27$, $p<0.001$); and (6) There is no relationship between the level of knowledge on computers and attitude towards computers among trainee teachers ($r=0.14$, $p>0.05$).

This research manages to gather information about the level of knowledge, understanding and attitude towards computer among trainee teachers enroll at a Postgraduate Teaching Course at the Maktab Perguruan Islam.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pengenalan teknologi maklumat dalam sistem pendidikan di Malaysia berlaku secara tidak formal. Pada peringkat permulaan, teknologi maklumat diperkenalkan dalam bentuk kelab komputer di sekolah bermula di Sekolah Menengah La Salle, Petaling Jaya pada tahun 1981. Penubuhan kelab-kelab komputer ini bermula tanpa sokongan rasmi Kementerian Pendidikan. Permulaan tidak formal ini berkaitan dengan perspektif pendidikan semasa yang menekankan konsep literasi komputer.

Namun begitu, perspektif ini bertukar kepada menerapkan komputer secara bersepadu dalam kurikulum pendidikan di semua peringkat dari sekolah rendah sehinggalah institusi pengajian tinggi. Perubahan perspektif ini selaras dengan objektif menubuhkan sebuah masyarakat berteknologi maklumat (Tengku Shahdan, 1993).

Untuk mencapai objektif membentuk sebuah masyarakat berteknologi maklumat, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Kurikulum Komputer Dalam Pendidikan di semua maktab perguruan pada tahun 1990. Kurikulum yang diperkenalkan merupakan sebahagian daripada syor Pelan Perkomputeran Bersepadu

yang dikemukakan oleh jawatankuasa bersama Kementerian Pendidikan dan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) pada tahun 1989. Objektif Kurikulum Komputer Dalam Pendidikan antara lain ialah untuk memastikan guru-guru pelatih didedahkan kepada teknologi maklumat. Mereka seharusnya mampu menerapkan penggunaan komputer dalam bilik darjah. Di samping itu, guru pelatih akan dilengkapi dengan pengetahuan asas untuk membolehkan mereka meneruskan proses pembelajaran dalam bidang ini selepas menjalani latihan perguruan (Sukatan Pelajaran Komputer Dalam Pendidikan, 1990).

Sukatan Pelajaran Kurikulum Komputer Dalam Pendidikan dikemaskinikan dari masa ke masa oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan dengan mengambil kira perubahan-perubahan semasa dalam teknologi maklumat. Perubahan terbesar ialah pada tahun 1993 apabila nama mata pelajaran Komputer Dalam Pendidikan ditukar kepada Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan. Perubahan nama selaras dengan objektif menyedarkan guru pelatih terhadap kesan teknologi maklumat kepada masyarakat. Perubahan nama mata pelajaran turut diikuti dengan pengenalan penggunaan perisian bersepadu menggantikan empat perisian berasingan yang bukan sahaja tidak berkaitan tetapi sukar dipelajari.

Pendedahan perisian komputer kepada guru pelatih selaras dengan objektif membolehkan guru mengaplikasikan teknologi maklumat dalam membuat kerja kursus, mata pelajaran pengkhususan dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta mutu kerja (Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan, 1998). Guru

pelatih didedahkan kepada perisian komputer semasa mereka mengikuti latihan di bawah mata pelajaran Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan di maktab perguruan.

Latihan tentang teknologi maklumat di maktab perguruan dirangka untuk mengatasi sebarang kelembapan dalam melaksanakan teknologi komputer dalam pendidikan. Masalah pelaksanaan teknologi wujud disebabkan pelbagai halangan. Di antara halangan tersebut ialah kepercayaan guru terhadap nilai teknologi, ketidaksesuaian peruntukan teknologi sedia ada dan kurang kefahaman tentang bagaimana teknologi dapat memajukan bidang pendidikan (Ritchie dan Rodriques, 1996).

Halangan dalam melaksanakan teknologi komputer dalam pendidikan dapat diatasi apabila bakal guru di peringkat awal lagi diperkenalkan kepada konsep literasi komputer. Apabila bakal guru mampu menguasai konsep literasi komputer seperti pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap positif terhadap komputer barulah mereka boleh melaksanakan fungsi membangunkan sumber manusia supaya menjadi anggota masyarakat yang berfikir dan cekap teknologi. Usaha bersungguh-sungguh membangunkan sumber manusia adalah ke arah mewujudkan suatu masyarakat Malaysia yang kaya maklumat menerusi penguasaan literasi komputer (Mahathir, 1991).

Pernyataan Masalah

Perkembangan pendidikan masa kini menuju ke arah penggunaan teknologi maklumat sebagai alat pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan. Guru-guru

pelatih di maktab perguruan didedahkan kepada teknologi maklumat dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi bakal-bakal guru sehingga mampu mengintegrasikan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah serta urusan-urusan pendidikan. Untuk melaksanakan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan, bakal-bakal guru perlu dibekalkan dengan pengetahuan tentang komputer.

Pengetahuan tentang komputer merupakan salah satu komponen dalam objektif program literasi komputer (Heinich et al., 1996). Pengetahuan tentang komputer mengikut Heinich dan rakan (1996) adalah merangkumi pengertian istilah-istilah, mengenali komponen, menghuraikan kegunaan komputer dan menganalisis isu sosial dan etika dalam penggunaan komputer. Oleh itu permasalahan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan bakal guru selepas mengikuti mata pelajaran teknologi maklumat di maktab perguruan.

Pengetahuan tentang komputer di kalangan bakal guru dijangka diperoleh selepas melalui proses pembelajaran literasi komputer. Pembelajaran adalah satu proses, tetapi apa yang dipelajari dan bagaimana sesuatu perkara yang telah dipelajari disepadukan dengan bahan lain sebelum dan selepas mempelajari sesuatu adalah bersifat individu (Farrel, 1997). Dengan kata lain, adalah dijangka bahawa proses pembelajaran literasi komputer berupaya meningkatkan pengetahuan tentang komputer di kalangan bakal guru. Dalam literasi komputer, apa yang dipelajari adalah pengetahuan minimum tentang komputer dan mengetahui bagaimana menggunakan komputer (Norhashim et al., 1996).

Pengetahuan tentang komputer akan membantu bakal guru memahami penggunaan komputer. Pemahaman tentang komputer ialah kemampuan memahami kegunaan komputer untuk pelbagai fungsi seperti pemprosesan perkataan, pangkalan data dan maklumat. Oleh itu permasalahan yang perlu dikaji adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru. Tahap pengetahuan tentang komputer dan pemahaman tentang komputer adalah berkaitan dengan pembelajaran kognitif. Pembelajaran kognitif bukan sekadar diukur dengan faktor pengetahuan kerana pembelajaran kognitif adalah pengetahuan dan pemahaman tentang sesuatu bahan yang dipelajari (Silberman dan Auerbach, 1990). Pendapat Silberman dan Auerbach (1996) tentang pembelajaran kognitif mempunyai persamaan dengan apa yang dikatakan oleh Ng Wai Kong (1997) bahawa pembelajaran teknologi baru harus didorong kepada pengetahuan dan pemahaman. Dengan kata lain, kajian pembelajaran kognitif tidak lengkap apabila hanya tahap pengetahuan dijadikan tumpuan tanpa melibatkan tahap pemahaman kerana pengetahuan hanya peringkat permulaan dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pengetahuan harus disusuli dengan pemahaman untuk melengkapkan pembelajaran kognitif.

Pengetahuan dan pemahaman yang cetek terhadap komputer akan melambatkan penerapan inovasi teknologi maklumat dalam pendidikan. Kemampuan bakal guru melaksanakan inovasi komputer dalam pendidikan bergantung kepada tahap pengetahuan dan pemahaman tentang komputer. Manakala keputusan untuk melaksanakan sesuatu inovasi adalah bergantung kepada tahap pengetahuan individu

(Rogers, 1993). Sesuatu inovasi tidak akan dilaksanakan jika guru tidak tahu dan tidak faham bagaimana menggunakan sesuatu perubahan itu di dalam persekitaran yang sedia ada (Chiero, 1997).

Kesedaran tentang kepentingan inovasi teknologi maklumat adalah berkait rapat dengan sikap bakal guru terhadap komputer. Sikap terhadap komputer adalah komponen dalam objektif program literasi komputer (Heinich, 1996). Kajian-kajian oleh Gardner dan rakan (1986), Ee (1992) dan Zulkifli dan Raja Maznah (1994) menunjukkan bahawa penerimaan guru terhadap komputer adalah bergantung kepada sikap positif terhadap komputer. Sikap terhadap komputer ialah penerimaan seseorang terhadap komputer sebagai peralatan yang berguna dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan menggunakan komputer untuk meningkatkan produktiviti (Heinich et al., 1996). Oleh itu, permasalahan kajian ini juga mengenalpasti sikap bakal guru terhadap komputer.

Sikap dapat dikaitkan dengan pembelajaran afektif di mana Silberman dan Auerbach (1990) mengatakan bahawa pembelajaran afektif ialah pembentukan sikap berdasarkan rangsangan yang dipelajari. Pembelajaran literasi komputer dijangka akan dapat membentuk sikap bakal guru terhadap komputer. Sikap terhadap komputer dapat dibentuk dengan mendedahkan bakal guru kepada pengetahuan dan pemahaman tentang komputer. Oleh itu, permasalahan kajian juga mengenalpasti hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan sikap terhadap komputer serta hubungan antara pemahaman tentang komputer dengan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru.

Pengetahuan, pemahaman dan sikap adalah faktor-faktor yang mendasari proses pembelajaran literasi komputer. Dengan kata lain, ketiga-tiga faktor ini saling bertindih dan menyokong satu sama lain dalam pembelajaran literasi komputer. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, pemahaman dan sikap dalam literasi komputer di kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah di sebuah maktab perguruan. Maklumat yang diperolehi akan dapat membantu mengukur tahap pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap bakal guru dalam literasi komputer. Kejayaan pembelajaran literasi komputer di kalangan bakal guru di maktab perguruan akan meningkatkan kesediaan bakal guru menggunakan komputer dalam pendidikan di masa akan datang.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru serta hubungan di antara ketiga-tiga pembolehubah ini dalam konteks literasi komputer. Untuk mengkaji tahap dan hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah ini, guru pelatih yang telah mengikuti mata pelajaran Teknologi Maklumat di Maktab Perguruan Islam dipilih sebagai subjek kajian. Objektif kajian ini secara khususnya ialah:

1. Menenalpasti tahap pengetahuan tentang komputer di kalangan bakal guru.
2. Menenalpasti tahap pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru.
3. Menenalpasti sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru.

4. Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan tentang komputer dan pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru.
5. Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru.
6. Mengenalpasti hubungan antara pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian ini ialah:

1. Apakah tahap pengetahuan tentang komputer di kalangan bakal guru?
2. Apakah tahap pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru?
3. Apakah sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru?
4. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan pemahaman tentang komputer di kalangan bakal guru?
5. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan tentang komputer dengan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru?
6. Adakah terdapat hubungan antara pemahaman tentang komputer dengan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru?

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap akan dapat memberi gambaran kepada maktab perguruan dan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai tahap

pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan bakal guru. Dapatan kajian ini akan dapat menghasilkan maklumat yang boleh dijadikan panduan dan cadangan kepada maktab perguruan dan Bahagian Pendidikan Guru dalam merancang program, aktiviti dan latihan untuk keperluan guru pelatih bagi meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan sikap dalam literasi komputer.

Dapatan kajian ini dapat memberi gambaran tentang tahap pengetahuan, pemahaman dan sikap bakal guru Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Maktab Perguruan Islam terhadap komputer. Maklumat ini diharap akan dapat memberi gambaran kepada tenaga pengajar teknologi maklumat di maktab terhadap hasil pembelajaran yang telah dicapai oleh guru-guru pelatih di bawah didikan mereka.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada guru-guru pelatih tentang pentingnya pembelajaran literasi komputer dan perlunya meningkatkan pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer. Kesedaran ini penting memandangkan bakal guru akan menerapkan komputer dalam kehidupan mereka sehari-hari, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Ng Wai Kong (1997) bahawa pembelajaran teknologi baru harus didorong kepada pengetahuan dan pemahaman akan perubahan yang bakal dibawa oleh bakal guru dan bukannya didorong oleh keperluan teknologi. Sebagai teknologi baru, pengetahuan, pemahaman dan sikap terhadap komputer di kalangan guru akan diteladani oleh para pelajar yang diletakkan di bawah didikan guru. Guru akan dapat memainkan peranan

sebagai agen perubahan jika guru mempunyai tahap pengetahuan, pemahaman dan sikap bersesuaian dalam literasi komputer.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya mengkaji tahap serta hubungan pembolehubah pengetahuan, pemahaman dan sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah, di Maktab Perguruan Islam. Tahap pengetahuan tentang komputer dan pemahaman tentang komputer dalam kajian ini merujuk konsep asas komputer, konsep dan pemprosesan kata, konsep dan perisian hampan elektronik, konsep perisian presentasi dan perisian multimedia. Tahap pengetahuan dan pemahaman diukur menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1998.

Sikap terhadap komputer diukur dengan menggunakan *Attitude Toward Computer Scale* (ATCS). Skala ini disesuaikan berdasarkan ATCS yang dicipta oleh Francis (dalam Walters dan Necessary, 1995). Soal selidik ATCS adalah senang difahami dan pentadbiran kajian soal selidik ATCS juga senang dijalankan. Subjek kajian boleh menjawab soalan dalam masa yang singkat.

Pelatih yang dipilih untuk dijadikan subjek kajian ini ialah pelatih kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)ambilan Julai 1998/1999 di Maktab Perguruan Islam, Bangi, Selangor. Guru pelatih ini telahpun didedahkan kepada program literasi komputer semasa pengajian mereka pada semester pertama sehingga semester dua yang bermula dari sesi Julai 1998 sehingga Januari 1999.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah digunakan untuk maksud khusus. Istilah-istilah itu ialah literasi komputer, pengetahuan, pemahaman dan sikap terhadap komputer.

Literasi Komputer

Literasi komputer ialah tahap pengetahuan yang paling minimum mengenai komputer dan mengetahui bagaimana menggunakan komputer (Norhashim et al., 1996). Manakala Heinich dan rakan (1996) mendefinisikan literasi komputer sebagai kebolehan untuk memahami dan menggunakan komputer. Holznage (1987) pula mendefinisikan literasi komputer sebagai kesedaran, sikap dan pengetahuan tentang komputer yang perlu untuk memahami kesan komputer dalam masyarakat.

Dalam kajian ini, literasi komputer merujuk kepada tahap pengetahuan tentang komputer, pemahaman tentang komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru pelatih selepas mengikuti mata pelajaran Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan di Maktab Perguruan Islam.

Pengetahuan

Pengetahuan ialah kebolehan mengingat atau mengenali bahan-bahan yang dipelajari tanpa perlu memahami, mengguna atau menukarnya (Bloom, 1956). Definisi pengetahuan yang digunakan dalam kajian ini merujuk semua fakta dan